

CNS2637

R GB 30-04 00149 BB816

bah

MAHATHIR PUJI UMNO SABAH

Mahathir-Umno

SANDAKAN, 30 april (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengucapkan syabas kepada Umno bahagian Kinabatangan, Sabah kerana menjadi bahagian yang mempunyai anggota paling ramai di seluruh negara, sebanyak 26,000 orang.

Presiden Umno itu berkata, beliau kagum dengan pencapaian itu memandangkan Umno baru sahaja bertapak di Sabah.

+Bahagian Kinabatangan kini mengatasi bilangan anggota di bahagian Kubang Pasu yang sebelum ini mempunyai anggota paling ramai,+ katanya semasa berucap pada perhimpunan orang ramai di padang bandaran di sini petang ini.

Bahagian Kinabatangan diketuai oleh Haji Juhar Mahiruddin, Timbalan Speaker Dewan Rakyat.

Perdana Menteri juga berkata Umno Sabah, dengan bilangan anggota melebihi 240,000 orang, juga mencatat bilangan anggota kedua terbesar selepas Umno Johor.

Beliau yakin dengan sambutan menggalakkan oleh rakyat Sabah terhadap Umno, BN akan kembali berkuasa di Sabah. -- Lagi

▼30/04/19-55MST

CNS2640

R GB 30-04 00146 BB817

bah

Mahathir-Umno 2 (Akhir) Sandakan

Dr Mahathir berkata keadaan di Sabah kini sudah berubah kerana ia mempunyai sebuah parti politik peringkat nasional, iaitu Umno.

Katanya, Umno datang ke Sabah secara tergesa-gesa tanpa dirancang setelah Parti Bersatu Sabah (PBS) bertindak +menikam rakan dari belakang+ semasa pilihan raya umum 1990.

+Walaupun marah kepada PBS, kita nak ucap terima kasih kepada mereka kerana tindakan itu telah membolehkan Umno berkembang dengan pesat ke Sabah,+ katanya.

Sebelum itu, beliau meminta maaf kepada hadirin kerana isterinya, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamad Ali tidak dapat hadir pada majlis hari ini kerana kurang sihat.

Sandakan, bandar kedua terbesar di Sabah, merupakan bandar pelabuhan pantai timur negeri ini yang juga merupakan laluan keluar hasil balak dari Sabah.

Perdana Menteri dan rombongan akan pulang ke Kota Kinabalu pagi esok.
-- Bernama

▼30/04/19-58MST